

17 FEB 2003

NAM-Mahathir (OIC)/I

SIDANG LIGA ARAB TIDAK AKAN BERTEMBUNG DGN MESYUARAT KHAS OIC

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Cadangan sidang kemuncak Liga Arab pada akhir bulan ini tidak akan bertembung dengan rancangan Malaysia untuk mengadakan satu mesyuarat tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), sehari selepas sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Tidak," kata Perdana Menteri semasa ditanya sama ada sidang kemuncak Liga Arab akan bertembung dengan mesyuarat khas OIC Kuala Lumpur yang dijadualkan pada 26 Feb untuk membincangkan isu-isu yang melibatkan umat Islam kini, termasuk rancangan perang terhadap Iraq yang diketuai Amerika Syarikat.

"Kita akan mengadakannya sehari lebih awal," kata Dr Mahathir pada sidang media selepas menyaksikan raptai penuh majlis perasmian Sidang Kemuncak NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 24 dan 25 Feb.

"Tetapi menteri-menteri luar (Liga Arab) mungkin mengadakan mesyuarat lebih awal," katanya.

Mengikut laporan, Liga Arab bercadang mengadakan sidang kemuncak dari 27 Feb hingga 1 Mac di Mesir dengan sesi tergepar yang pertama akan memberi tumpuan kepada isu Iraq.

Semasa menjelaskan mengenai mesyuarat khas OIC itu, Dr Mahathir berkata: "Mesyuarat itu bukan khusus mengenai Iraq, tetapi kita berharap untuk mengadakan satu perbincangan tidak rasmi di kalangan ketua-ketua kerajaan negara Islam yang menghadiri (sidang kemuncak) NAM."

Empat puluh daripada 114 negara anggota NAM adalah anggota OIC.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga akan menyampaikan jemputan kepada negara Islam lain untuk menghadiri mesyuarat khas OIC itu.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak ada berhubung dengan Presiden Mesir Hosni Mubarak untuk meminta ditangguhkan sidang kemuncak Liga Arab itu memandangkan mesyuarat di Kaherah akan diadakan sehari selepas mesyuarat OIC di sini.

-- BERNAMA

MAD MAM RON